

Penjelasan elak dituduh zalim: PM

BH 17 AUG 2002

Oleh **Zulkofli**
Jamaludin,
Noor Jaafar dan
Nazura Ngah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan mengambil pendekatan memberi penjelasan kepada rakyat mengenai kenyataan pemimpin Pas yang bercanggah dengan Islam sebelum mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan undang-undang seperti penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak berkesan dan boleh menyebabkan rakyat menuduh kerajaan zalim dan kejam jika mereka tidak dapat penjelasan dan maklumat tepat.

"Kita mesti menjelaskan kepada rakyat. Yang penting kita tidak buat sesuatu yang menyebabkan rakyat fikir kita ini tidak adil atau zalim. Kalau rakyat telah faham, tindakan (undang-undang) boleh diambil dengan mudah.

"Jadi dalam keadaan begini, kita tak boleh bertin-

dak melalui undang-undang saja. Kita kena beri penjelasan supaya rakyat faham kenapa sesuatu tindakan diambil," katanya dalam sidang akhbar selepas jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat di Hotel Grand Continental, di sini.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan sehari ke Terengganu, sebelum itu berucap pada program pemimpin bersama rakyat di Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang. Ini adalah lawatan pertama beliau bagi menghadiri majlis parti selepas pilihan raya umum lalu.

Hadir sama ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat dan Pengerusi BN negeri, Datuk Idris Jusoh.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar bahawa penjelasan itu sukar untuk diterima oleh sesetengah umat Islam kerana Pas berjaya mempengaruhi ramai orang Melayu sehingga bagi mereka, yang putih

dikatakan hitam dan hitam dikatakan putih.

Katanya, usaha Radio Televisyen Malaysia (RTM) menayangkan rakaman video yang menunjukkan pembohongan pemimpin Pas adalah sebahagian penjelasan mengenai pembohongan yang dibuat oleh pemimpin Pas sewaktu mereka berceramah politik.

Katanya, apabila rakyat faham mengenai tindak tanduk Pas itu, baru tindakan boleh diambil.

Sebelum itu, ketika berucap di Program Pemimpin Bersama Rakyat, Dr Mahathir meminta rakyat menolak Pas kerana ia sebenarnya bukan parti Islam, sebaliknya parti yang mengkhianati Islam dan pemimpinnya bukan ulama.

Katanya, banyak kenyataan pemimpin Pas yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti mengatakan Tuhan samseng dan Tuhan mencarut, yang jelas menunjukkan Pas mempergunakan agama untuk kepentingan politiknya.

"Kenyataan pemimpin Pas itu menunjukkan mereka sebenarnya bukan

ulama sebaliknya orang sesat dan perlu ditolak oleh pengikut mereka. Ini adalah dosa kerana menghina Tuhan dan menyamakan Tuhan dengan sifat-sifat yang ada pada manusia. Memang benar Tuhan lebih daripada manusia tetapi lebih dari segi kebajikan bukan keburukan.

"Pengikut Pas telah sesat dan mereka berdosa. Sesiapa yang tidak menolak dakwaan Pas Tuhan adalah samseng, Tuhan adalah penjahat terbesar, Tuhan mencarut, orang itu ber-

dosa walaupun dia digelar dirinya ulama," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau pernah bertanya kepada beberapa ulama luar mengenai dakwaan pemimpin Pas bahawa Tuhan samseng dan semua mereka mengangap kenyataan itu keterlaluan serta sesat daripada ajaran Islam sebenar.

"Ulama-ulama luar kata, kalau nak cari pengaruh pun janganlah sampai begini, jangan hina Tuhan," katanya.

Beliau berkata banyak fitnah yang dilemparkan Pas untuk membuktikan kononnya Pas adalah Islam dan Umno tidak Islam sehingga pada tahap sanggup mendakwa untuk menjadi Islam, orang Melayu mestilah menjadi ahli Pas atau penyokong parti itu.

"Ini adalah sesuatu yang bertentangan dengan" ajaran Islam sama sekali.

Pas hanya wujud di Malaysia sedangkan kita tahu ada 1.3 bilion orang Islam di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata dakwaan parti itu bahawa dengan mengundi Pas akan masuk syurga juga satu pembohongan besar dan tidak harus dilakukan oleh orang yang berpengetahuan dalam agama.

"Orang Pas yang ikut Pas, ikut berdosa dan akan terima balasan di akhirat. Jangan fikir pangkah Pas masuk syurga. Ini hina agama Islam, agama Islam tidak bergantung pangkah yang dibuat, ia bergantung kepada amal ibadat kita," katanya.